

UCAPAN PERDANA MENTERI KETIKA MEMBENTANGKAN USUL MELULUSKAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA DI DEWAN RAKYAT PADA 12HB JULAI, 1971

Tuan Yang Dipertua,

Saya berdiri untuk mengemukakan usul di atas nama saya yang berbunyi :

“Bahawa Dewan ini menerima Dasar Ekonomi Baru Negara yang bertujuan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat dengan tidak mengira asal keturunan mereka di samping menyusun semula masyarakat Malaysia untuk menyeimbangkan kedudukan ekonomi antara rakyat berbilang kaum, memberikan persetujuan penuh kepada Rancangan Malaysia Kedua yang telah disusun untuk mencapai matlamat cita-cita negara dengan melaksanakan langkah-langkah dasar dan rancangan-rancangan pembangunan seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah No. 28 tahun 1971, serta menyeru seluruh rakyat menumpahkan khidmat bakti mereka dalam semangat Rukun-negara untuk membangunkan masyarakat yang adil saksama dan bangsa Malaysia yang maju, moden dan bersatu padu.”

Tuan Yang Dipertua,

Sidang Dewan yang mulia pada hari ini, pada hemat saya, mempunyai makna yang amat besar kepada kita semua, terutama sekali kepada jenerasi-jenerasi akan datang kerana hari ini kita yang berada di sini bersama-sama meletakkan tapak asas yang kukuh untuk menjamin kesejahteraan negara Malaysia yang kita kasihi ini. Tapak asas yang saya maksudkan itu ialah Rancangan Malaysia Kedua yang mengandungi Dasar Ekonomi Baru Negara, yang mana saya percaya telahpun dikaji dengan teliti oleh ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sini mahupun di sebelah sana.

Tuan Yang Dipertua,

Selama empat belas tahun kita hidup sebagai bangsa yang merdeka dan berdaulat, dan selama tempuh itu kita telah berusaha sedaya upaya menguruskan rumahtangga kita, menunaikan janji serta memenuhi kepercayaan yang diberikan kepada kita oleh rakyat. Kerajaan yang saya bersama-sama memimpinnnya sebelum

dan sesudah mencapai kemerdekaan telah menjalankan langkah-langkah yang wajar dan perlu untuk mengubah kehidupan rakyat jelata supaya memberikan mereka rasa kenikmatan dari kemerdekaan yang sama-sama diperjuangkan itu. Dalam hubungan inilah Kerajaan telah melancarkan rancangan-rancangan pembangunan negara di masa lepas, yang telahpun dilaksanakan dengan berjaya dan memuaskan. Hakikat ini saya rasa tidak dapat dinafikan oleh sesiapa juga melihat pada kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dan perubahan-perubahan sekeliling kita, hatta di kampung-kampung yang terpencil di pedalaman, berbanding dengan keadaan sebelum merdeka dulu.

Tuan Yang Dipertua,

Haruslah saya akui bahawa pada keseluruhannya hasil yang telah kita jayakan menerusi rancangan-rancangan yang lepas itu adalah setakat menyediakan landasan atau infrastructure bagi membangunkan ekonomi negara. Dari pengalaman-pengalaman kita di masa lampau ini, kita sedar dan insaf bahawa belumlah lengkap dengan hanya mengadakan economic infrastructure sahaja. Ini adalah jelas dan nyata dari peristiwa 13 Mei, 1969 yang hampir-hampir membawa negara ke jurang kebinasaan dan kehancuran. Natijah dari peristiwa sedih ini menekankan kepada kita semua peri mustahaknya semangat harmoni dan perpaduan yang sehati di kalangan rakyat berbilang bangsa ini, yang bukan saja terpisah antara satu dengan lain mengikut cara hidup dan kebudayaan masing-masing, tetapi yang lebih berat ialah kerana keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum-kaum di masa ini.

Tuan Yang Dipertua,

Sungguhpun kita bersyukur pada hari ini keadaan suasana pada umumnya telah pulih seperti sediakala, kita insaf bahawa ranjau-ranjau bahaya hanya dapat dihapuskan dengan mengadakan perpaduan dan keharmonian yang sejati di negara ini dalam tempuh yang seberapa segera. Untuk tujuan dan matlamat inilah, Kerajaan yang saya pimpin menyediakan Rancangan Malaysia Kedua yang saya harap dan yakin akan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya berbangga dan ingin menegaskan di sini bahawa pelancaran Rancangan Malaysia Kedua ini membawa kita masuk ke ambang

zaman baru dalam pembangunan-pembangunan dengan erti kata penuh bagi menjamin bukan saja kemajuan dan kemakmuran, bahkan untung nasib negara ini pada masa akan datang. Rancangan ini yang telah dirangka serta dipertimbangkan dengan sepenuh-penuh teliti, bukanlah merupakan langkah penyambungan dari rancangan-rancangan di masa lampau kerana seperti yang sama-sama dimaklum penyusunannya adalah dibuat menurut konsep Dasar Ekonomi Baru negara. Oleh sebab itulah saya dan rakan-rakan saya telah mengambil masa yang agak panjang memikirkan serta menyemak setiap bahagian yang terkandung di dalamnya supaya benar-benar menjamin bukan hanya kesempurnaan rancangan itu satu persatu bahkan juga dalam pelaksanaannya.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam perjalanan sejarah hidup setiap orang, begitu juga setiap bangsa, ia pasti mengalami pasang-naik dan pasang-surut, kejayaan dan kadangkala kegagalan. Dalam menentukan arah dan haluan yang kita tuju sebagai satu bangsa, mustahaklah kita mempunyai sikap yang tegas dan realistik menilai pengalaman-pengalaman yang kita tempuh dengan lebih matang, sambil memandang ke hadapan mengumpulkan hasil demi hasil dan mencapai kemajuan demi kemajuan.

Rancangan Malaysia Kedua yang akan dibincangkan oleh Dewan ini disusun dengan tujuan menghalakan pandangan kita jauh ke hadapan untuk tempuh beberapa tahun yang akan datang. Meskipun kita berharap melihat sebahagian hasil-hasilnya dalam jangka waktu yang ditentukan, namun matlamat perpaduan yang dihasratkan itu hanya akan terbukti dalam tempuh satu jenerasi sekurang-kurangnya.

Pada hemat saya, tugas penting di hadapan kita semua hari ini ialah menentukan bentuk dan corak negara yang kita kasihi ini untuk diwariskan kepada angkatan-angkatan yang menyusul kita kemudian kelak. Seperti yang saya katakan sebentar tadi, menerusi rancangan-rancangan masa lepas kita telahpun mengadakan rangka bangunan yang kita hajati itu. Ibarat sebuah rumah, setelah mendirikan tiang dan membuat lantai serta atap, sampailah masa kita menyempurnakan rumah itu dengan mengadakan dinding dan melengkapkannya dengan alat perkakas di dalamnya. Dengan demikian, barulah terdapat identity bangunan itu sebagaimana yang kita kehendaki.

Tuan Yang Dipertua,

Dari sekarang dan untuk beberapa tahun akan datang ini, tugas dan tanggungjawab kita ialah membentuk masyarakat baru dengan wajah dan semangat baru, di atas dasar-dasar yang telahpun kita tentukan iaitu Rukunegara. Prinsip dan cita-cita yang digariskan dalam Rukunegara itu bukanlah hanya untuk Malaysia sepuluh atau dua puluh tahun ke depan kelak bahkan adalah hasrat cita-cita buat selama-lamanya. Kita sebagai anggota-anggota angkatan hari ini patut berbangga dengan peluang keemasan yang diserahkan kepada kita menjadikan negara Malaysia ini satu warisan yang tidak ternilai untuk jenerasi-jenerasi yang menyusul kelak di mana setiap orang merasa nikmat kemakmuran, tenteram batin dan aman jiwa, sambil mengembangkan bakat kebolehan pada diri masing-masing, dengan maruah dan martabat sebagai bangsa yang merdeka. Inilah cita-cita masyarakat adil saksama yang mempunyai peribadi moden dan progresif, setanding dengan bangsa-bangsa yang maju dalam semua bidang di zaman teknologi ini.

We now have the resources and the capacity with which to turn the social and economic problems facing us into opportunities for further growth and progress. Most important, we have a national consensus and commitment. This commitment is reflected in the resolutions of the former National Consultative Council and in the Rukunegara. It is also reflected in the good response of the private sector to the opportunities for investment. As I travel around the country, I find among all our people, an understanding and deep awareness that we can build a truly united, harmonious and progressive nation by assisting all Malaysians in economically weak positions and promoting the participation of Malays and other indigenous people in modern sector economic activities. The basic approach to the Second Plan and future development plans is to help build national unity through development, in which we will progress not as individuals alone, but even more so as a united nation. I am sure that every true Malaysian will rise to the occasion to meet the challenge, share the opportunities and shoulder the responsibilities.

Tuan Yang Dipertua,

Rasanya tidaklah perlu saya berpanjang lebar tentang mustahaknya perpaduan negara kerana perkara ini telahpun seringkali

saya tegaskan di masa-masa lampau, yang dihighlightkan lagi dalam Buku Merah di depan kita ini.

Bagaimanapun, sukaulah saya mengingatkan lagi bahawa harmoni dan perpaduan bukanlah matter of economics semata-mata tetapi mustahak juga diperkukuhkan dengan lambang-lambang keperbadian bangsa—symbols of national identity—seperti lagu dan bendera kebangsaan, selain dari ciri-ciri dari kebudayaan kita yang kaya dengan tradisi-tradisinya. Semua ini adalah memainkan peranan dalam usaha memupuk semangat patriotism dan nationalism dalam menghadapi cabaran-cabaran masa depan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya percaya ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telahpun membuat kajian teliti Buku Merah Rancangan Malaysia Kedua ini. Meskipun setengah-setengah dari ahli-ahli di sebelah sana tidak jemu-jemu mengkritik Kerajaan, our record of performance dengan sendirinya menjawab kritik mereka itu. Kedua-dua GNP dan per capita income menunjukkan kenaikan yang mengkagumkan; begitu pula dalam infrastructure sektor seperti rangkaian jalan-jalanraya, bekalan air dan tenaga letrik. Di bidang social sector pula iaitu pelajaran dan kesihatan, di samping pembukaan tanah-tanah baru kejayaan yang dicapai adalah memuaskan.

Tuan Yang Dipertua,

Seperti yang saya katakan pada mula-mula tadi, Rancangan Malaysia Kedua ini bukanlah semata-mata penyambungan dari Rancangan-rancangan Lima Tahun yang terdahulu, tetapi adalah yang julung-julung dalam beberapa Rancangan Lima Tahun akan datang, berlandaskan Dasar Ekonomi Baru negara. Menerusi dasar ini, yang merupakan serampang dua mata, kita sekali gus menjalankan langkah-langkah tegas ke arah perpaduan yang sebenar. Kemiskinan yang masih terdapat di kalangan semua bangsa, baik di kampung-kampung mahupun di bandar-bandar, akan dibasmi. Bagi membetulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang, kita akan menyusun semula masyarakat di negara ini dan secara beransur-ansur menghapuskan keadaan yang masih terdapat sekarang iaitu pekerjaan terkelompok dan terasing menurut kaum—identification of race with economic function. Kita juga maklum, masih ramai individual dan kumpulan-kumpulan dalam masyarakat kita tidak mempunyai pendapatan yang cukup, tidak

mendapat peluang pelajaran dan tidak berpeluang mengembangkan bakat mereka menjalankan peranan yang lebih aktif dan creative dalam proses pembangunan negara. Dasar Ekonomi Baru negara akan membuka peluang seluas-luasnya kepada mereka itu.

Semenjak saya mengumumkan cita-cita Dasar Ekonomi Baru ini bulan Januari lepas, nampaknya ada setengah-setengah pihak yang merasa bimbang kalau pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini akan bermakna mengambil dari pihak yang berada dan membahagi-bahagikan kepada mereka yang tidak berada. Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak sekali-kali berniat hendak berbuat demikian bahkan, seperti saya telah tegaskan pada masa yang lampau, Kerajaan akan bersifat adil dan hak-hak serta kepunyaan-kepunyaan ataupun peruntukan-peruntukan yang ada pada mana-mana pihak pada masa ini tidak akan diambil dan diberi kepada pihak yang lain. Apa yang dimaksudkan oleh Kerajaan ialah supaya peluang-peluang baru yang lebih luas akan diberi dengan cara yang lebih adil. Pihak-pihak yang tidak mempunyai peluang pada masa ini akan diberi peluang-peluang yang sewajarnya dan pihak yang mundur dan miskin akan mendapat bahagian dengan lebih adil dan saksama. Hanya dengan cara ini sajalah kita akan dapat mengatasi masalah kemiskinan dalam negara kita dan dapat membahagikan kemakmuran dan kesenangan dengan lebih adil dan sempurna.

Tak dapat tiada, ada puak-puak yang tertentu—puak-puak yang saya sifatkan sebagai anti-nasional dan subversive akan menggunakan perkara ini untuk menjalankan dakwah mengatakan yang Rancangan Malaysia Lima Tahun ini adalah memberi faedah kepada satu puak saja dan tidak kepada puak-puak yang lain. Saya ingin menegaskan bahawa seperti yang ditegaskan dengan terang dan nyata dalam Buku Merah ini iaitu tujuan muktamad kita ialah mencapai perpaduan negara dan kita akan menjalankan dasar-dasar dengan adil menurut cara-cara yang telah saya terangkan dan kita akan menghapuskan kemiskinan dan mengatasi masalah pengangguran di kalangan rakyat daripada semua bangsa baik yang duduk dalam bandar ataupun di luar bandar.

Tuan Yang Dipertua,

Dengan artikata yang lain, Rancangan Malaysia Kedua ini bolehlah disifatkan sebagai peringkat pertama usaha kita mencapai perpaduan negara di bawah Dasar Ekonomi Baru. Dalam

jangka masa lima tahun, kita akan berusaha mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, membuka peluang-peluang pekerjaan untuk menampung tenaga manusia yang kian bertambah, dan di samping itu memperbaiki pembahagian kekayaan dan peluang-peluang ekonomi serta mengadakan satu golongan perdagangan dan perindustrian di kalangan orang-orang Melayu/Bumiputra.

Dari segi matlamat pendapatan, adalah dijangka GNP akan meningkat 6.5% setahun, yang mana akan meninggikan per capita income hingga \$1,300 setahun berbanding dengan kira-kira \$1,000 masa ini.

Cabaran besar yang bakal kita hadapi ialah mengadakan peluang-peluang pekerjaan kepada belia-belie yang semakin bertambah ramai bilangannya mencari pekerjaan. Menurut taksiran, hitung panjang terdapat seramai 130,000 tenaga buruh baru tiap-tiap tahun selama tempuh Rancangan Malaysia Kedua ini. Bebanan ini adalah disebabkan oleh angka kelahiran yang tinggi dalam tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua, yang baru kini memasuki labour market.

Masalah pengangguran di kalangan belia-belie menjadi lebih rumit lagi disebabkan kebanyakan mereka itu adalah lebih terpelajar dari angkatan sebelumnya. Hampir-hampir 70% dari mereka mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran atau lower secondary dan hampir-hampir separuh mendapat pendidikan di peringkat menengah atas atau upper-secondary.

Di samping itu, ada pula masalah sektor-sektor ekonomi yang dulunya labour intensive seperti ladang-ladang getah tetapi sekarang ini tidak memerlukan tenaga kerja yang ramai disebabkan kemajuan-kemajuan teknik dan rationalisation. Perkembangan-perkembangan di lapangan perindustrian meski pun berjalan pesat tetapi belumlah dapat menyerap tenaga manusia baru itu sepenuh-penuhnya. Memandang pada keadaan yang mendesak ini, rancangan kita hendak mengadakan 120,000 peluang pekerjaan setiap tahun. Dengan demikian, kita berharap dapat membendung kadar pengangguran pada takat 7%.

Tuan Yang Dipertua,

Tidak syak lagi, tempuh lima tahun ke depan ini adalah crucial bagi kita mencapai objektif-objektif pembangunan negara. Ini bukanlah bermakna persainimbangan ekonomi dapat dijayakan dalam tempuh yang begitu singkat; tetapi tegasnya dasar-dasar

baru dan lembaga-lembaga yang kita perlukan mestilah diadakan sekarang supaya rancangan ini bergerak maju menuju ke arah yang dikehendaki itu. Saya ingin menegaskan di sini keazaman Kerajaan memperhebatkan langkah-langkah membasmi kemiskinan di samping menggalakkan penyertaan orang-orang Melayu dan Bumiputra yang lain-lain dalam sektor ekonomi moden mestilah dibuktikan dengan tindakan-tindakan yang nyata bagi mengukuhkan perpaduan negara.

In a moment, I will outline some of the specific steps being taken to bring about better economic balance. I wish to emphasise at this point that the next five years are crucial for achievement of this most important of our development objectives. The Second Malaysia Plan period is crucial, not because economic balance is capable of being achieved in so short a time as five years, but because the new policies and new institutions which we require to get things moving in the right direction must be created and made to work now. The Government's determination to accelerate the process of eradication of poverty and to promote the participation of Malays and other indigenous people in the modern economic sectors must be expressed in concrete actions now if national unity is to be achieved.

Tuan Yang Dipertua,

Seperti yang dapat dilihat, Rancangan Malaysia Kedua ini adalah yang paling besar—and most ambitious—melibatkan perbelanjaan kira-kira \$14,350 juta. Dari jumlah ini bahagian Kerajaan—public sector—ialah sebanyak \$7,250 juta, memandangkan pada keperluan income and employment target yang akan dicapai sekurang-kurangnya \$6,000 juta. Jumlah ini matlamat yang paling minimal kalau kita menghendaki tempo pembangunan berlaku dengan pesat dan memuaskan. Pecahan-pecahan menurut functional sector masing-masing ialah:

| | | | | | |
|----------------------------|-----|-----|-----|-----|-------|
| Sektor ekonomi | ... | ... | ... | ... | 67.2% |
| Sektor perkhidmatan sosial | ... | ... | ... | ... | 14.7% |
| Pertahanan dan Keselamatan | ... | ... | ... | ... | 15.2% |
| Pentadbiran Am | ... | ... | ... | ... | 2.9% |

Sudah barang tentu pelaksanaan rancangan-rancangan dan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua ini memerlukan daya kemampuan dan kecekapan yang lebih berbanding dengan Rancangan Malaysia Pertama dulu. Anggaran belanja

Rancangan Malaysia Kedua ini juga menghendaki penyertaan private sector berjumlah kira-kira \$7,100 juta, dan dapatlah dilihat total investment public and private meningkat 50% dari Rancangan Malaysia Pertama.

Di satu cabang, susunan rancangan menitik-beratkan sektor pertanian kerana di lapangan ini, banyak kekayaan hasil bumi boleh diusahakan dan terdapat bahagian yang terbesar dari rakyat kita, setengah-setengahnya masih dalam keadaan miskin dan sengsara. Oleh yang demikian, strategi pembangunan pertanian kita adalah bertujuan membebaskan mereka itu dari belenggu kemiskinan dan membawa mereka kepada kegiatan-kegiatan pertanian moden dan lebih memuaskan. Sebagai matlamat jangka panjang, kita berusaha mencantumkan sektor pertanian dengan sektor moden perindustrian, menjalinkan kehidupan rakyat urban dan rural dalam suasana perpaduan dan kemakmuran.

The programmes concerning the first prong bear heavily on the agricultural sector, where about half the working population is found, where under-employment and low-productivity are still prevalent and where abundant resources are available for further development and for providing new employment opportunities. The strategy for agricultural development is geared towards freeing farmers from the poverty-trap of low-productivity and uneconomic-sized farms and to make farming a modern and thriving activity. The strategy is also aimed at the integration of agriculture with other modern sector activities, in which agricultural rural life will be more closely inter-woven with modern urban life.

Tidaklah perlu saya memberikan perincian-perincian atau detail mengenai strategi dan matlamat-matlamat yang ditentukan kerana semuanya telahpun dijelaskan dalam Buku Merah ini. Antara strategi dan langkah-langkah penting yang akan dilaksanakan dalam cabang yang pertama ini termasuklah pembangunan perusahaan tanah yang luas, lebih dari satu juta ekar, dalam tempoh lima tahun akan datang yang akan memberi pekerjaan dan pendapatan kepada lebih 100,000 orang; menanam semula getah oleh pekebun-pekebun kecil dan menggalakkan serta mempelbagaikan perusahaan seperti menternak, penangkapan ikan laut (marine fishing) dan menambahkan hasil-hasil pengeluaran tanaman seperti soya bean, shorgum, jagung dan lada. Kita juga akan menggalakkan penggunaan teknik-teknik dan alat-alat baharu

serta benih-benih yang boleh melipatgandakan pengeluaran bahan-bahan mentah dengan menggunakan baja-baja dan alat-alat yang lain. Kemudahan pinjaman wang, pasaran yang lebih sempurna dan perkhidmatan yang lain akan diadakan sambil kita membawa kemudahan-kemudahan hidup seperti pelajaran, kesihatan dan perumahan. Begitu juga bekalan-bekalan air dan letrik akan disediakan untuk mereka yang berpendapatan rendah baik di bandar ataupun di luar bandar.

Cabang yang lagi satu diatur dengan tujuan menyusun semula masyarakat kita supaya membetulkan kedudukan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum-kaum, dan serentak dengan itu membangunkan golongan perdagangan dan perindustrian di kalangan orang-orang Melayu. Pada pendapat saya, langkah ke arah ini mustahak dijalankan sekarang juga dengan tidak lagi menunggu hasil-hasil kajian dan research.

Secara ringkasnya, langkah-langkah menggalakkan dan meningkatkan penyertaan orang-orang Melayu di kedua-dua lapangan ini akan dibuat menerusi lembaga-lembaga yang sudah ada seperti MARA, PERNAS, FIDA, MIDF, UDA dan juga Lembaga-lembaga Kemajuan Ekonomi Negeri. Ini bermakna bahawa Kerajaan sendiri akan mengambil bahagian yang tegas dan secara langsung bagi menggalakkan kaum-kaum pemodal yang lebih ramai di kalangan orang-orang Melayu dan ahli-ahli Bumiputra.

Begitu juga Kerajaan akan menubuhkan pusat-pusat bandar yang baru dalam kawasan-kawasan yang belum begitu maju dengan mengadakan perusahaan-perusahaan dan kemudahan-kemudahan yang lain. Rancangan-rancangan pelajaran yang meluas akan diadakan untuk membolehkan orang-orang Melayu dan Bumiputra yang lain mengambil bahagian dalam perusahaan dan perniagaan di peringkat teknikal, professional, executive dan managerial. Bantuan-bantuan yang lebih luas dalam lapangan teknikal dan kewangan akan diberi kepada perusahaan-perusahaan kecil dan perniagaan-perniagaan melalui badan-badan yang saya sebutkan tadi.

Kerajaan juga akan menggalakkan firma-firma bukan Melayu dan milik asing membuka peluang bagi penyertaan orang-orang Melayu di samping memberikan latihan-latihan pada segenap lapisan kepada orang-orang Melayu.

Tuan Yang Dipertua,

Seperti yang Ahli-ahli di sini dapat pastikan, Dasar Ekonomi Baru Negara menitik-beratkan pengekalan pertumbuhan ekonomi—sustained economic growth—dalam jangka waktu Rancangan Malaysia Kedua ini dan rancangan-rancangan berikutnya. Pertumbuhan ini meliputi kedua-dua faktor utama iaitu jumlah pendapatan negara dan yang lebih penting lagi bilangan pekerjaan yang tersedia untuk rakyat. Sementara mengekalkan pertumbuhan ekonomi ini, segala langkah akan diambil supaya menjamin peluang-peluang baru terbuka itu akan dibahagikan dengan saksama. Istimewa bagi golongan dan individu yang masih tertinggal di belakang, mereka akan diberi sepenuh-penuh peluang mencapai kemajuan yang lebih pesat dan membaiki kedudukan mereka kepada tingkatan yang lebih baik dan sempurna.

Sebagaimana yang saya jelaskan awal tadi, objektif Dasar Ekonomi Baru ini berupa matlamat jangka panjang dan memerlukan bukan satu malah beberapa Rancangan Lima Tahun seperti ini. Oleh yang demikian, pemikiran kita ke arah ini semestinya pragmatik dan realistik iaitu menumpukan kepada matlamat-matlamat yang kira-kira dapat dicapai dengan memuaskan. Namun saya berkeyakinan penuh bahawa kita akan berjaya, kerana di sebalik itu hasrat kita ialah mencapai kedua-dua tujuan keadilan dan kemajuan. It is not a case of either equity or progress but our target is both progress with equity.

Tuan Yang Dipertua,

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah bersetuju dengan saya bahawa pembiayaan (financing) rancangan yang begitu besar bukanlah satu perkara yang mudah. Tambahan pula, memandangkan pada hakikat bahawa peluang mendapatkan pinjaman luar negeri sekarang ini agak terbatas. Bagaimana pun, mengingat dasar kita ingin berdikari, tidaklah seharusnya kita bergantung pada belas kasihan orang lain semata-mata dan kerana itu foreign financing adalah dianggarkan hanya 15% dari jumlah public sector expenditure. Yang selebihnya akan didapati dari pendapatan negara dan pinjaman dari sumber-sumber dalam negeri ini sendiri.

Saya hendak menyatakan dengan tegas dan bangga, rancangan ini dapat kita biaya atas kemampuan dan kebolehan kita sendiri. Saya yakin kita sanggup dan mampu membelanjakan wang yang begitu banyak dengan tidak menambahkan bebanan hutang negara atau pun menyebabkan kesulitan disincentive kepada pihak

persendirian—private sector. Pada masa ini pun, bebanan hutang negara, kedua-dua dari punca dalam dan luar negeri, tidaklah begitu berat menurut ukuran international. Di bawah Rancangan ini, hanya kira-kira 2% dari pendapatan export akan digunakan untuk membiayai foreign debt itu.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan memang sedar masalah yang dihadapi bagi melaksanakan rancangan-rancangan di bawah Rancangan Malaysia Kedua ini. Kita memerlukan daya kebolehan dan kecekapan yang lebih tinggi di samping memerhatikan apa jua cara yang mustahak dan menasabah bagi mengatasi sebarang kesulitan. Dengan tujuan inilah saya telah menubuhkan Bahagian Khas iaitu Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Penilaian—Implementation Co-ordination and Evaluation Unit—di bawah jagaan saya sendiri untuk mengawasi kemajuan-kemajuan atau sebaliknya dalam pelaksanaan Rancangan ini.

Selain dari itu, jentera pentadbiran akan diselaraskan dengan tertubuhnya Majlis Tindakan di peringkat nasional yang mengandungi semua sekali Jemaah Menteri dan Ketua Setiausaha Negara, Ketua Turus Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan rancangan pembangunan ini dan untuk menjalankan gerakan-gerakan menentang pengganas komunis serta menjaga keselamatan negara.

Di bawah Majlis ini terdapat dua Majlis lagi iaitu Majlis Keselamatan Negara dan Majlis Ekonomi Negara. Kesemua Majlis-majlis ini dipengerusikan oleh saya sendiri sebagai Perdana Menteri.

Di peringkat Negeri pula, ada Jawatankuasa Tindakan yang diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri yang mengandungi ahli-ahli daripada Majlis Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Pejabat, Ketua Tentera dan Ketua Polis. Jawatankuasa ini dibantu oleh dua Jawatankuasa yang lain iaitu Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan Jawatankuasa Pembangunan Negeri.

Di peringkat daerah, diadakan Jawatankuasa Tindakan Daerah yang diketuai oleh Pegawai Daerah yang mengandungi ahli-ahli daripada Ketua-ketua Pejabat, Ketua Tentera dan Ketua Polis dan wakil-wakil rakyat dalam kawasan itu serta dibantu oleh beberapa orang kenamaan yang difikirkan mempunyai pengaruh dalam kawasan atau daerah yang tersebut. Di peringkat ini juga

diadakan dua Jawatankuasa Kerja iaitu Jawatankuasa Kerja Keselamatan dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan. Jawatankuasa Keselamatan ini akan mengandungi ahli-ahli daripada Ketua Polis dan Ketua Tentera dan Pegawai Penerangan dan Jawatankuasa Pembangunan pula mengandungi ahli-ahli daripada semua Ketua-ketua Pejabat di peringkat Daerah itu.

Tuan Yang Dipertua,

Dengan adanya jentera yang tersebut itu, saya harap segala usaha-usaha bagi melaksanakan rancangan pembangunan dan usaha-usaha keselamatan negara akan dapat dijalankan bersama-sama dan serentak untuk menjamin kejayaan Rancangan Malaysia Kedua ini. Kita tahu bahawa pihak pengganas-pengganas komunis bertujuan hendak menghalang Kerajaan dari melaksanakan Rancangan Pembangunan. Tetapi dengan berjayanya Rancangan Pembangunan, Kerajaan akan dapat menahan dan melindungi rakyat daripada dipengaruhi oleh pengganas komunis dan anasir-anasir jahat. Kedua-dua tugas ini adalah penting bagi negara dan dengan itu mestilah dilaksanakan bersama-sama dan diberi keutamaan yang sama. Pegawai-pegawai Kerajaan di semua peringkat hendaklah menumpukan sepenuh usaha dan tenaga pada setiap masa kepada dua tugas yang penting ini.

Dan lagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua ini akan disemak dari masa ke masa oleh Jabatan Perancang Ekonomi Negara supaya dapat dikaji kejayaan atau kelemahan tiap-tiap satu rancangan itu. Rancangan Malaysia Kedua ini adalah sebagai satu rancangan lima tahun atau five-year development plan yang dikehendaki menjadi panduan kepada pegawai-pegawai Kerajaan khususnya dan rancangan-rancangan yang terkandung di dalamnya adalah disemak dan, jika perlu, boleh dipinda dari masa ke masa. Begitu juga, keutamaan-keutamaan atau priority-prioritynya boleh diubah mengikut mana yang difikirkan mustahak. Dan lagi, dalam masa lima tahun ini, jika ada rancangan-rancangan yang baru yang difikirkan mustahak yang patut dilaksanakan untuk mencapai matlamat dan tujuan-tujuan yang telah saya terangkan itu, rancangan-rancangan itu bolehlah dimasukkan.

Tidak shak lagi, dalam menghadapi cabaran yang begitu besar, kita harus bersedia mengadakan jentera-jentera pelaksanaan dan memerhatikan yang jentera-jentera ini berjalan dengan lancar dan licin. Seperti yang sama-sama dilihat, Kerajaan akan meluaskan

bidang kerjanya dengan mengadakan serta menyelenggarakan usaha-usaha perdagangan, perindustrian dan pertanian moden. Kerajaan juga sedar betapa perlunya merangka dan melaksanakan dasar-dasar dan langkah-langkah yang effective untuk menarik pihak persendirian bersama-sama mengembeling tenaga untuk mencapai cita-cita nasional. Pendek kata, cabaran-cabaran ini menghendaki tiap seorang dari kita bukan saja bersikap baru bahkan mengubah menjadi "The new breed of Malaysians".

Tuan Yang Dipertua,

Pada keseluruhannya, tujuan muktamad dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini bermakna penghapusan secara beransur-ansur golongan yang sentiasa dalam keadaan miskin dan melarat terutama kalangan kaum tani dan nelayan yang hidupnya "kais pagi makan pagi", dan juga peniaga-peniaga kecil yang berselerak di merata ceruk rantau negara kita. Peluang-peluang pelajaran terutama di lapangan teknik dan vocational akan diluaskan dan dibuka secara saksama kepada sesiapa juga yang sanggup dan ingin tampil mengambil peluang-peluang itu, tidak kira samada mereka berasal dari kampung atau pun bandar, dari mana-mana pelusuk tanah air kita ini.

Begitu juga, adalah diharapkan dengan pelaksanaan ini satu golongan terdiri dari orang-orang Melayu dan Bumiputra yang lain akan memasuki bidang perdagangan dan perindustrian, saing-bersaing dengan mereka yang terdiri dari bangsa-bangsa lain. Pendek kata, negara kita akan menjadi bertambah makmur dan kaya, dan kekayaan ini akan dibahagikan dengan saksama. Dengan demikian, perpaduan negara yang sebenar akan tercapai.

Tuan Yang Dipertua,

Saya yakin dan percaya inilah bentuk dan keadaan negara Malaysia yang kita cita-citakan itu. Namun saya mengakui, seperti yang saya katakan dahulu tadi, matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru negara tidaklah dapat dicapai dengan mudah dan dalam tempuh yang singkat. Oleh yang demikian, saya suka menegaskan bahawa seluruh rakyat, samada mereka menyokong parti yang memerintah atau tidak hendaklah bersama-sama memberikan sokongan dan mencurahkan didikasi mereka ke arah mencapai cita-cita itu. Jalan yang kita langkah masih jauh dan mungkin menemui rintangan-rintangan, tetapi dengan keazaman dan keyakinan kita kepada diri kita sendiri dan dengan izin Tuhan, saya

percaya Rancangan yang disusun oleh rakyat untuk kepentingan rakyat, sebagaimana yang dibentangkan di hadapan kita hari ini akan mencapai kejayaan dengan sepenuh-penuhnya.

Tuan Yang Dipertua,

Akhirnya, saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat jelata daripada semua lapisan hidup supaya memberi sokongan dan kerjasama yang sepenuhnya bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kedua yang penting dan mustahak ini supaya belia-belia kita pada hari ini dan anak cucu kita pada masa hadapan akan dapat hidup dalam keadaan yang sempurna dan bahagia, dapat bekerja dengan semangat perpaduan yang erat serta menikmati keamanan dan kemakmuran dalam negara Malaysia yang maju, kuat dan bersatu padu.

Tuan Yang Dipertua,

Saya dengan sukacitanya mengemukakan usul ini.